



**PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA**

PROGRAM JELAJAH TAAT SETIA MADANI PERKUKUH SEMANGAT PENJAWAT AWAM NEGERI PERAK

IPOH, 5 November 2025 – Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri dengan kerjasama Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Akademi Kenegaraan Malaysia, dan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menganjurkan Program Jelajah Taat Setia MADANI Negeri Perak yang berlangsung pada hari ini menjadi sebagai platform penting dalam memperkukuh semangat kenegaraan, jati diri serta kesetiaan dalam kalangan penjawat awam.

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak, dalam ucapannya, menegaskan bahawa penjawat awam merupakan benteng kestabilan dan nadi pentadbiran negara, yang perlu berkhidmat dengan penuh integriti, iltizam dan semangat taat setia kepada Raja dan Negara.

Beliau turut menekankan bahawa nilai-nilai Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan dalam konsep Malaysia MADANI harus dijadikan panduan dalam setiap tindakan serta keputusan penjawat awam.

Program ini juga memberi penekanan terhadap pelaksanaan Polisi Perak Sejahtera 2030 yang menuntut kerjasama padu antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi memastikan kemajuan negeri yang seimbang dan inklusif untuk semua lapisan rakyat. Akhir ucapannya, beliau menyeru seluruh penjawat awam di Negeri Perak agar menzahirkan taat setia bukan sekadar dengan kata-kata, tetapi melalui tindakan dan penghayatan nilai-nilai MADANI dalam setiap amanah yang digalas.

Turut sama hadir, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia. Program ini juga telah dihadiri seramai 2,000 orang peserta terdiri daripada Penjawat Awam Negeri Perak dari pelbagai jabatan dan agensi.

**AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
5 NOVEMBER 2025**
